

CNS9790

R GB 10-09 00148 BC953

bah

PROGRAM PERINDUSTRIAN DI MALAYSIA SANGAT BERJAYA, KATA PM

Mahathir - Industri

KULIM, 10 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata program perindustrian yang dijalankan oleh Malaysia begitu berjaya sehingga negara kini menghadapi masalah kekurangan pekerja.

Katanya, masalah itu dihadapi bukan sahaja di Lembah Klang malah beberapa negeri lain seperti Johor dan Pulau Pinang.

Sebagai usaha mengatasi masalah itu, kerajaan kini terpaksa memilih industri berteknologi tinggi yang berintensif modal dan tidak lagi industri berintensif buruh, katanya ketika merasmikan upacara pecah tanah sempena pelancaran rasmi projek Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim di sini hari ini.

Katanya, industri berteknologi tinggi yang bermodal besar tidak memerlukan pekerja yang ramai tetapi sebaliknya pekerja yang lebih mahir.

Memandangkan industri berteknologi tinggi tidak memerlukan ramai pekerja para pekerja juga akan mendapat faedah gaji yang lebih baik, katanya. -- Lagi

▼10/09/20-41MST

CNS9791

R GB 10-09 00135 BC954

bah

Mahathir - Industri 2 Kulim

Katanya, pengwujudan Taman Perindustrian High-Tech di Kulim merupakan satu usaha ke arah itu.

Perdana Menteri juga meminta para pekerja di negara ini supaya jangan mempertikaikan gaji yang rendah berbanding negara maju kerana kos pekerja yang rendah merupakan antara kelebihan perbandingan yang dimiliki negara, yang membuatkan pelabur asing terus melabur di negara ini.

Katanya, kos pekerja di negara ini hanya satu perlima atau satu persepuluh daripada kos pekerja negara maju.

Beliau berkata, para pekerja harus bersyukur kerana gaji yang diterima mereka walaupun rendah berbanding kerja yang sama yang dilakukan di negara maju tetapi adalah lebih baik dari negara jiran, kecuali Singapura.

Dr Mahathir berkata, para pekerja di negara ini sebenarnya tidak dianiaya dengan upah yang rendah. -- Lagi

▼10/09/20-43MST

CNS9794

R GB 10-09 00142 BC955

bah

Mahathir - Industri 3 Kulim

Perdana Menteri juga memberi contoh bagaimana pekerja di Industri Pesawat Terbang Nusantara (IPTN), Indonesia, yang dilawatinya baru-baru ini mendapat upah yang rendah sedangkan mereka mempunyai kemahiran yang tinggi.

Katanya, syarikat tersebut yang mengeluarkan kapal terbang dan helikopter mempunyai pekerja yang berkemahiran tinggi sehinggakan IPTN menerima tempahan membuat bahagian pesawat daripada syarikat pengeluar pesawat Amerika Syarikat dan Sepanyol.

Memurutnya, bahagian-bahagian pesawat itu dahulunya dikeluarkan di Jepun tetapi syarikat pengeluaranya beralih ke Indonesia kerana kos yang rendah.

+Kita sudah tentu tidak mampu bersaing dengan Indonesia kerana mereka bukan sahaja mempunyai kos yang rendah tetapi mempunyai kecekapan yang tinggi.

+Jadi, jika kita meminta upah yang sama tinggi dengan negara maju, pelabur asing tidak akan melabur di Malaysia tetapi sebaliknya akan melabur di Indonesia,+ kata beliau. -- Lagi

▼10/09/20-48MST

R GB 10-09 00161 BC956

bah

Mahathir - Industri 4 Kulim

Beliau berkata sekiranya pekerja meminta gaji yang tinggi lebih ramai yang akan menganggur dan oleh itu pilihan yang ada bagi pekerja ialah memilih gaji yang sederhana atau tidak bergaji langsung dan bukan antara gaji yang rendah dan gaji yang tinggi.

Katanya, atas alasan itu kerajaan tidak membenarkan penubuhan kesatuan sekerja kebangsaan untuk pekerja elektronik yang berjumlah 150,000 orang di negara ini kerana sekiranya badan seumpama itu ditubuhkan ia akan dijadikan alat oleh pemimpin sekerja untuk menjadi popular dengan sentiasa membuat tuntutan supaya gaji dinaikkan.

+Yang lebih garang daripada orang itu akan dipilih menjadi pemimpin,+ katanya.

Katanya, mereka ini tidak mempedulikan nasib orang yang belum bekerja tetapi sebaliknya hanya akan menitikberatkan nasib mereka yang sudah bekerja.

+Kerajaan sebaliknya memikirkan nasib orang yang belum bekerja,+ katanya.

Dr Mahathir berkata mereka yang kini bekerja mendapat kerja atas usaha kerajaan membawa masuk pelabur asing. -- Lagi

▼10/09/20-50MST

CNS9796

R GB 10-09 00170 BC957

bah

Mahathir - Industri 5 Kulim

Beliau berkata selain menjaga kos yang rendah, kelebihan perbandingan lain yang dimiliki Malaysia seperti kebolehan para pekerja menguasai kemahiran yang dimiliki oleh negara maju, perlu digunakan sepenuhnya untuk meningkatkan perindustrian di negara ini.

Dr Mahathir juga berkata negara memerlukan pelabur asing dan oleh kerana itu semua pihak termasuk pekerja, kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan pusat hendaklah memberi layanan baik kepada mereka supaya memberi imej baik kepada Malaysia.

Beliau juga berkata, semua dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan telah dipertimbangkan dengan halus dan diperhitungkan dengan mendalam tetapi kadangkala kerajaan tidak menjelaskan kepada rakyat sebab-sebab dasar itu dilaksanakan sehingga sesetengah orang berpendapat dasar kerajaan itu tidak mempunyai asas yang baik.

Beliau berkata cara menentukan rakyat negara ini dihormati di dunia dengan dengan menentukan segala projek yang dilaksanakan oleh Malaysia berjaya.

Menteri Besar Kedah, Tan Sri Haji Osman Aroff berkata Taman Perindustrian High-Tech di sini merupakan usaha pertama ke arah mewujudkan kawasan perindustrian serba lengkap. -- Lagi

▼10/09/20-55MST

CNS9798

R GB 10-09 00148 BC958

bah

Mahathir - Industri 6 Kulim

Katanya, taman perindustrian itu juga merupakan satu peralihan dari sektor industri yang berintensif buruh kepada yang berorientasikan teknologi tinggi.

Katanya, bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang akan diberi penekanan di taman itu merupakan bidang yang perlu diberi penekanan yang lebih mendalam bagi kemajuan sektor perindustrian negara.

+Sudah sampai masanya kemajuan industri sekarang ini yang lebih tertumpu kepada penggunaan tenaga buruh ditukar kepada kerja-kerja yang berasaskan teknologi tinggi,+ katanya.

Katanya, antara objektif taman perindustrian high-tech itu ialah memodenkan industri negara di samping memindahkan teknologi dan meningkatkan kemajuan guna tenaga dan daya saing.

Selain itu ia juga bertujuan menarik para pelabur yang terlibat dalam industri berteknologi tinggi ke negeri Kedah, di samping memperluas dan meningkatkan asas sektor pembuatan dengan pengeluaran barangan baru yang mempunyai nilai tambahan (value added) yang tinggi. -- Lagi

▼10/09/21-00MST ..

CNS9800

R GB 10-09 00208 BC959

bah

Mahathir - Industri 7 (Akhir) Kulim

Terdahulu itu, Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK), Datuk Jaafar Jamaluddin berkata, setakat ini enam kawasan perindustiran telah dibuka di negeri ini dengan keluasan 760 hektar dan 640 hektar daripadanya telah dijual kepada 470 syarikat.

Katanya, jumlah pelaburan di negeri ini sehingga 1990 berjumlah \$2.43 ribu juta dan \$1.69 ribu juta daripadanya adalah pelaburan asing.

Mengenai taman perindustrian high-tech itu, beliau berkata, ia tidak akan menjejaskan alam sekitar kerana dirancang supaya berharmoni dengan alam sekitar.

Katanya, 25 peratus daripada 1,448 hektar kawasan itu akan dikekalkan sebagai kawasan hijau dan rekreasi manakala 90 hektar diperuntukkan untuk tapak universiti, 45 hektar politeknik, 1.7 hektar untuk pusat perkembangan kemahiran dan 3.7 hektar untuk R&D.

Projek Perindustrian Kulim High-Tech Park itu dibina di atas kawasan seluas 1,448 hektar mengandungi zon industri teknologi tinggi, pusat pendidikan dan pembangunan, universiti, politeknik, pusat latihan dan kemahiran dan kawasan perumahan dan rekreasi.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri Pulau Pinang Dr Koh Tsu Koon, Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Timbalan Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, Duta-duta dan perwakilan asing. -- Bernama

▼10/09/21-02MST